

28 NOV 1998

Mahathir-BN

PARTI KOMPONEN BN BEKERJASAMA DENGAN BAIK, KATA PERDANA MENTERI

KOTA KINABALU, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata parti-parti komponen Barisan Nasional (BN), sama ada yang kecil atau besar, boleh bekerjasama dengan baik kerana faham dengan peranan yang boleh dimainkan masing-masing dalam pembangunan negara.

Katanya ketegangan antara parti-parti komponen juga dapat dikurangkan kerana pertimbangan yang sewajarnya diberikan berdasarkan keperluan dan peranan masing-masing.

Mengenai pilihan raya negeri Sabah yang akan diadakan pada bila-bila masa sekarang, beliau berkata: "Kita mesti bergerak dalam pilihan raya sebagai sebuah parti iaitu Barisan Nasional."

Dr Mahathir berkata demikian ketika melancarkan logo dan bendera baru Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) di sini hari ini. Akar ialah sebuah daripada parti komponen BN Sabah.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata segala janji yang dibuat BN kepada rakyat boleh ditunaikan sekiranya ia dipilih semula untuk memerintah.

Perdana Menteri kemudian mengadakan persidangan berita di Lapangan Terbang Lama Kota Kinabalu sebelum pulang ke ibu negara.

Dr Mahathir berkata negara kini sedikit-sebanyak menghadapi masalah ekonomi dan politik dengan cubaan daripada pihak tertentu untuk menggugat kestabilan yang ada.

"Mereka yang tidak mempunyai semangat Barisan Nasional ini cuba memecah-belahkan rakyat melalui rusuhan supaya negara tidak lagi stabil.

"Tetapi berkat usaha BN, kita akan terus dapat mengatasi segala masalah yang dihadapi," katanya.

Mengenai Akar, Dr Mahathir yakin parti itu dapat menyumbang kepada kejayaan BN pada pilihan raya Sabah yang mesti diadakan selewat-lewatnya 18 Mac tahun depan.

"Jangan fikir sebuah parti kecil yang terhad di sebuah negeri tidak mempunyai peranan dalam politik negara," katanya.

-- BERNAMA

MAM FAZ